

06/03/1998

Proses pemulihan ekonomi mula berhasil

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap proses pemulihan ekonomi negara mula menunjukkan hasil apabila beberapa petunjuk ekonomi membayangkan peningkatan memuaskan.

Ketika ini, kata Perdana Menteri, nilai mata wang dan pasaran saham mula menunjukkan peningkatan, selain pelaburan asing yang semakin meningkat bukan sahaja dalam pasaran saham tetapi juga dalam kapasiti yang produktif.

Selain itu, sesetengah industri mula berkembang, manakala eksport beberapa komoditi seperti kayu kayan dan minyak sawit turut meningkat bagi meraih lebih banyak tukaran wang asing.

"Saya rasa kita sudah mula menunjukkan pemulihan. Saya dapati tiada lagi pengaliran wang ke luar negara untuk disimpan di negara asing meskipun pengaliran wang masuk belum begitu banyak sebagaimana yang kita mahu lihat.

"Bagaimanapun, sudah pelaburan yang masuk semula," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kayu Kayan Antarabangsa di sini, hari ini.

Beliau mengulas pandangan beberapa pemimpin kewangan negara asing termasuk Naib Menteri Bagi Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa Jepun, Eisuke Sakakibara, yang menganggap ekonomi negara mula menunjukkan "cahaya di hujung terowong".

(END)